



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 9/97

**BORANG ASAL PERMOHONAN GERAN LATIHAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN
DALAM TEMPOH SATU BULAN DARI TARIKH BORANG BERKENAAN DIFAKSKAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan bahawa borang asal permohonan geran latihan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pejabat Majlis Pembangunan Sumber Manusia dalam tempoh satu bulan daripada tarikh borang berkenaan difakskan.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini peraturan yang terpakai adalah majikan dikehendaki mengemukakan borang permohonan geran latihan di bawah Skim Bantuan Latihan, Skim Pelan Latihan Tahunan, Skim SBL Lulus dan Skim Latihan Bersama hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pejabat Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) selewat-lewatnya satu hari sebelum latihan bermula. Sungguhpun demikian terdapat majikan yang menghadapi masalah untuk mengemukakan borang permohonan tersebut mengikut peraturan yang ditetapkan. Sebagai membantu majikan mengatasi masalah tidak berkesempatan menghantar permohonan untuk diterima oleh pejabat MPSM selewat-lewatnya satu hari sebelum latihan bermula, MPSM membenarkan majikan mengfakskan borang permohonan dan mengemukakan borang asal kemudiannya untuk diproses dan diberi pertimbangan sewajarnya. Untuk mengelakkan kelulusan dua kali, hanya borang asal sahaja diproses dan diberi pertimbangan. Borang permohonan yang difaks hanya sebagai memaklumkan kepada MPSM bahawa permohonan geran latihan telah dikemukakan sebelum latihan bermula.
- 2.2 Terdapat majikan yang mengambil masa yang lama untuk menghantar borang permohonan asal selepas sesuatu permohonan difakskan dan ini telah mengganggu kelicinan pemprosesan permohonan geran latihan.

3. TEMPOH MENGEMUKAKAN BORANG ASAL PERMOHONAN GERAN LATIHAN

- 3.1 MPSM memohon kerjasama daripada majikan supaya mengemukakan borang asal permohonan geran latihan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh sesuatu borang berkenaan difakskan bagi melicinkan lagi urusan pemprosesan permohonan geran latihan. Adalah dimaklumkan mulai 1 Januari 1998, sekiranya MPSM tidak menerima borang permohonan asal dalam tempoh satu bulan daripada tarikh borang berkenaan difakskan, permohonan geran latihan berkenaan dianggap batal dan borang asal yang diterima melampaui tempoh satu bulan akan dikembalikan semula kepada majikan tanpa diberi pertimbangan.
- 3.2 MPSM juga memohon kerjasama daripada pihak majikan agar hanya mengfakskan borang permohonan yang tarikh latihannya telah hampir sahaja. Permohonan geran latihan yang tarikh latihannya masih lagi seperti satu atau dua bulan, borang

permohonan berkenaan tidak perlu difakskan, memadai di hantar dengan pos sahaja.

3.3 Kerjasama majikan juga diperlukan supaya tidak menghubungi pegawai/kakitangan Majlis sebaik sahaja borang difakskan supaya urusan pemprosesan permohonan geran latihan dapat diuruskan dengan lancar.

4. PENUTUP

4.1 Pekeliling Majikan Bil. 8/97 ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998. Kerjasama majikan dipohon agar dapat menghantar borang permohonan asal dalam tempoh satu bulan daripada tarikh borang berkenaan difakskan bagi melicinkan urusan pemprosesan permohonan geran latihan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)
Pengarah Bahagian Geran Latihan
b/p Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

